



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 27 MAC 2017

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.8 HINGGA NO. 58)

(SOALAN NO.7 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.13 DAN NO.17)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

berapi, pemantauan gempa bumi dan tsunami secara konsisten dan efisien.

MetMalaysia mampu untuk mengesan dan melakukan analisa terhadap kemungkinan berlakunya cuaca ekstrem seperti hujan lebat dengan lebih awal kerana mempunyai infrastruktur meteorologi yang terkini seperti yang digunapakai di negara-negara maju yang lain dan disokong oleh pegawai yang berpengalaman dan terlatih.

Bagi tujuan pemantauan cuaca, MetMalaysia mempunyai beberapa alat pemantau cuaca seperti tiga (3) buah stesen penerima satelit bumi, 12 buah radar cuaca, dan lebih 400 buah stesen pencerapan permukaan yang berfungsi untuk mencerap keadaan cuaca semasa. Teknologi penderiaan jauh menggunakan satelit dan radar ini mampu untuk mengesan taburan, saiz dan pergerakan kelompok awan hujan yang boleh menyebabkan kejadian hujan lebat.

Bagi meningkatkan pemantauan cuaca, MetMalaysia dalam proses untuk menambah bilangan radar cuaca sebanyak lima (5) buah yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020. Daripada lima (5) buah radar tersebut, tiga (3) buah akan ditempatkan di Semenanjung, masing-masing sebuah di Sabah dan Sarawak.

Bagi tujuan ramalan cuaca, MetMalaysia menggunakan model ramalan cuaca berangka (*Numerical Weather Prediction Model*) iaitu grafik janaan komputer yang mampu memberikan ramalan taburan hujan sehingga tempoh satu (1) hingga tiga (3) hari ke hadapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

[SIBUTI]

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah perkembangan projek rintis permohonan bantuan kebajikan atas talian dan apakah projek ini dapat diakses melalui aplikasi telefon pintar serta berapa buah negeri sudah mula menggunakan permohonan atas talian.

berapi, pemantauan gempa bumi dan tsunami secara konsisten dan efisien.

MetMalaysia mampu untuk mengesan dan melakukan analisa terhadap kemungkinan berlakunya cuaca ekstrem seperti hujan lebat dengan lebih awal kerana mempunyai infrastruktur meteorologi yang terkini seperti yang digunapakai di negara-negara maju yang lain dan disokong oleh pegawai yang berpengalaman dan terlatih.

Bagi tujuan pemantauan cuaca, MetMalaysia mempunyai beberapa alat pemantau cuaca seperti tiga (3) buah stesen penerima satelit bumi, 12 buah radar cuaca, dan lebih 400 buah stesen pencerapan permukaan yang berfungsi untuk mencerap keadaan cuaca semasa. Teknologi penderiaan jauh menggunakan satelit dan radar ini mampu untuk mengesan taburan, saiz dan pergerakan kelompok awan hujan yang boleh menyebabkan kejadian hujan lebat.

Bagi meningkatkan pemantauan cuaca, MetMalaysia dalam proses untuk menambah bilangan radar cuaca sebanyak lima (5) buah yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020. Daripada lima (5) buah radar tersebut, tiga (3) buah akan ditempatkan di Semenanjung, masing-masing sebuah di Sabah dan Sarawak.

Bagi tujuan ramalan cuaca, MetMalaysia menggunakan model ramalan cuaca berangka (*Numerical Weather Prediction Model*) iaitu grafik janaan komputer yang mampu memberikan ramalan taburan hujan sehingga tempoh satu (1) hingga tiga (3) hari ke hadapan.

Bagi meningkatkan tempoh ramalan sehingga tujuh (7) hari ke hadapan, Kerajaan telah meluluskan perbelanjaan sebanyak RM47.9 juta untuk pelaksanaan sistem komputer berkeupayaan tinggi (*High Performance Computing* - HPC) yang berupaya untuk memberikan jangkaan keadaan cuaca sehingga tujuh (7) hari ke hadapan berbanding sekarang hanya tiga (3) hari sahaja. Di samping itu, sistem HPC ini juga mampu meningkatkan resolusi produk ramalan cuaca berangka kepada 1 kilometer berbanding dengan 4 kilometer sekarang. Data-data dari HPC ini akan membantu kesiapsiagaan pengurusan bencana dalam menghadapi bencana banjir berikutan hujan lebat yang melanda.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi kepakaran pegawai, semua pegawai MetMalaysia perlu mengikuti dan lulus Kursus Asas Meteorologi selama sembilan (9) bulan hingga setahun sebelum boleh menjalankan tugas sebagai pegawai meteorologi. Pegawai-pegawai akan ditempatkan di Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional (POCGN) yang beroperasi 24 jam sepanjang tahun bagi memantau dan mengeluarkan amaran cuaca buruk berpandukan Peraturan Tetap Operasi (PTO) yang telah ditetapkan. Selain dari POCGN, pemantauan cuaca juga dilakukan oleh enam (6) buah Pejabat Meteorologi Wilayah seluruh negara yang juga beroperasi 24 jam sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 27.3.2017

SOALAN :

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramai guru-guru Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia telah memohon untuk berpindah balik ke Sarawak sejak 2 tahun yang lalu dan berapa ramai daripada mereka telah berjaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan dan pertukaran guru berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan. Bagi tahun 2015, sebanyak 1,050 permohonan diterima daripada guru-guru Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia untuk berpindah balik ke Sarawak dan daripada jumlah tersebut sebanyak 294 permohonan telah diluluskan. Manakala bagi tahun 2016, sebanyak 526 permohonan diterima dan sebanyak 161 permohonan diluluskan. Ini menjadikan jumlah permohonan yang diterima daripada guru-guru Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia untuk berpindah balik ke Sarawak bagi tahun 2015 dan 2016 ialah sebanyak 1,576 permohonan dan jumlah permohonan yang diluluskan bagi tempoh tersebut ialah sebanyak 455.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]
TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)
SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perkembangan projek rintis permohonan bantuan kebajikan atas talian dan apakah projek ini dapat diakses melalui aplikasi telefon pintar serta berapa buah negeri sudah mula menggunakan permohonan atas talian.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan perkembangan semasa dan Transformasi Perkhidmatan Awam, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited mengkaji dan memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada. Perkhidmatan bantuan kebajikan adalah merupakan salah satu perkhidmatan yang terpenting di peringkat Kementerian dan melibatkan kumpulan sasar yang ramai, justeru penambahbaikan perkhidmatan ini telah diberi perhatian secara berterusan.

Diantara penambahbaikan perkhidmatan yang telah dibuat adalah proses pendaftaran permohonan bantuan kebajikan atas talian. Sebagai makluman permohonan bantuan kebajikan atas talian ini adalah sebagai satu alternatif bagi pemohon yang tidak dapat hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat dan membuat permohonan melalui atas talian.

Kaedah ini bertujuan bagi mempercepatkan proses pendaftaran agar lebih tepat dan berkesan.

Permohonan bantuan kebajikan atas talian ini boleh dibuat menggunakan komputer atau telefon yang mempunyai akses internet iaitu melalui pautan spbk.jkm.gov.my bagi capaian ke laman sesawang Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan atau e-BANTUAN.

Bagi mengelakkan lambakan permohonan yang tidak sah atau sekadar ingin mencuba, sistem menetapkan dalam tempoh empat belas (14) hari, permohonan atau wakil perlu mengemukakan dokumen sokongan ke Pejabat Kebajikan Masyarakat. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti salinan kad pengenalan pemohon, salinan kad pengenalan ahli keluarga yang tinggal bersama, salinan kad OKU (jika kategori OKU), salinan penyata pendapatan atau surat akuan pendapatan (jika bekerja sendiri), salah satu bil utiliti seperti air/ elektrik/ telefon bagi mengesahkan alamat tempat tinggal pemohon. Sekiranya pemohon atau wakil gagal menyerahkan dokumen sokongan dalam tempoh tersebut, sistem akan membatalkan permohonan dan pemohon perlu memohon semula sekiranya masih berminat.

Permohonan bantuan kebajikan atas talian ini telah dilaksanakan kepada tiga (3) negeri sebagai projek rintis iaitu Perlis, Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan. Projek rintis ini telah dijalankan dalam tempoh tiga (3) bulan dari 1 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2016. Dalam tempoh tersebut sejumlah **279** permohonan bantuan kebajikan melalui atas talian telah diterima yang melibatkan permohonan seperti berikut iaitu, Perlis sejumlah **30** permohonan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya sejumlah **185** permohonan dan Wilayah Persekutuan Labuan sejumlah **64** permohonan.

Dimaklumkan ketika ini pihak kementerian melalui JKM telah mendapat maklum balas positif dari tiga (3) negeri berkenaan iaitu diantara maklum balas adalah seperti berikut:

- i. Secara keseluruhan sistem ini amat baik untuk dilaksanakan;
- ii. Memberi peluang kepada orang awam membuat permohonan dengan lebih mudah dan efisien;
- iii. Perkhidmatan mengikut perkembangan serta kemajuan teknologi semasa;
- iv. Memudahkan masyarakat berurusan dengan JKM; dan
- v. Mempercepatkan urusan permohonan.

Pelaksanaan permohonan bantuan kebajikan atas talian ini dalam proses pertimbangan akhir sebelum diperluaskan ke seluruh negara dalam waktu terdekat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI WAN AZIZAH BIN WAN ISMAIL

TARIKH : 27.3.2017

SOALAN : NO. 12

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Bin Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keperluan pihak universiti awam untuk mengenakan tindakan terhadap mahasiswa yang melakukan aktiviti di luar kampus tatkala Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971 tidak memberi sebarang larangan kepada mahasiswa untuk bergerak aktif dengan aktivis politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengamalkan konsep keterbukaan dan menghormati hak bersuara mahasiswa demi membentuk mahasiswa yang holistik dan seimbang. Ini adalah selaras dengan pindaan Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) pada tahun 2012 yang membenarkan mahasiswa berpolitik di luar kampus. Walau bagaimanapun, pindaan seksyen tersebut melarang mahasiswa terlibat dengan aktiviti seperti berikut:

- (a) Sebarang aktiviti politik di dalam kampus;

- (b) Sebarang aktiviti melibatkan pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau luar negara; dan
- (c) Sebarang aktiviti melibatkan pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang dikenal pasti oleh Lembaga Pengarah Universiti sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan keharmonian mahasiswa atau universiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan terhadap mahasiswa akan diambil sekiranya terlibat dalam perhimpunan tanpa permit atau aktiviti lain yang boleh mengakibatkan berlakunya salahlaku seperti pergaduhan, kerosakan harta benda yang menggugat ketenteraman awam, dan melakukan kesalahan di bawah peruntukan sebarang undang-undang bertulis seperti Akta Perhimpunan Aman 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS [TELOK KEMANG]**

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN : 14

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

(a) bagaimana Kerajaan menguruskan proses permohonan dan pembelian Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang lama selepas memendekkan tempoh menjual dan menyewa (moratorium) kediaman daripada sepuluh kepada lima tahun; dan adakah pemendekan tempoh menjual dan menyewa (moratorium) kediaman akan menyebabkan spekulasi dan apakah langkah pencegahan yang diambil oleh Kerajaan.

(b) adakah pemendekan tempoh menjual dan menyewa (moratorium) kediaman akan menyebabkan spekulasi dan apakah langkah pencegahan yang diambil oleh Kerajaan.

**JAWAPAN: YB DATO` SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, moratorium yang ditetapkan atas kediaman PR1MA memberi faedah kepada pembeli untuk menjana kekayaan (*wealth creation*). Sepanjang tempoh itu, kediaman PR1MA tidak boleh dijual atau dipindah milik tanpa kebenaran. Setelah tamat tempoh, pemilik mempunyai pilihan untuk menjual kediaman PR1MA pada harga pasaran semasa.

Berkenaan dasar pengurangan moratorium PR1MA dari 10 tahun ke 5 tahun, ianya akan dilaksanakan atas semua kediaman PR1MA. Tempoh moratorium yang dicadangkan PR1MA akan dikira bermula pada tarikh penerimaan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Walau bagaimanapun cadangan ini adalah tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Negeri. Bagi memastikan pembeli memperoleh faedah melalui program *wealth creation*, PR1MA sedang bergerak ke arah pelaksanaan moratorium. Dasar pengurangan tempoh ini akan melalui beberapa peringkat dan akan dilaksanakan tertakluk kepada kelulusan Majlis Tanah Negara.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 27.3.2017

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi Bin Habibollah [Limbang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan SMK Limbang dan SK Tanjung yang telah pun diluluskan peruntukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan SMK Limbang telah ditender secara tender terbuka pada 9 Februari 2017 dan dijangka pelantikan kontraktor akan dibuat pada bulan April 2017. Sementara projek pembinaan SK Tanjung, Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada kontraktor dipilih pada 28 Februari 2017.

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 27 MAC 2017

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang memastikan pekerja tempatan yang diberhentikan kerja mendapat peluang pekerjaan dan memastikan pekerja asing tidak menjadi penghalang kepada pengambilan pekerja tempatan.

PR-1351-L01308

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) amat mengalakkan pekerja-pekerja yang dihentikan kerja mendaftar dalam Portal *JobsMalaysia* secara percuma dimana proses pendaftaran dan pencarian kerja boleh dibuat secara *atas talian*. Data maklumat pekerja yang terjejas akibat pemberhentian akan direkod dan dihubungi bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan melalui program penempatan pekerjaan atau disalurkan kepada Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang sah untuk tujuan meningkatkan lagi peluang-peluang pekerjaan baharu melalui kekosongan jawatan yang didaftar oleh APS di syarikat-syarikat yang bersesuaian.

2. Sehubungan itu, Kementerian melalui JTK berusaha secara berterusan membantu pekerja-pekerja yang terjejas mendapat pekerjaan yang baharu dari masa ke semasa menawarkan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh majikan-majikan melalui portal *JobsMalaysia* dan diberi keutamaan program-program penempatan pekerjaan yang dianjurkan oleh Jabatan.

3. Bagi memastikan pekerja asing tidak menjadi penghalang kepada pekerja tempatan untuk diambil bekerja, Kementerian Sumber Manusia melalui JTK telah mengetatkan pemakaian syarat yang mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan jawatan di

dalam sistem *JobsMalaysia* dan mengambil calon-calon yang sedia berdaftar di dalamnya sebelum permohonan untuk menggajikan pekerja asing boleh dipertimbangkan.

4. Di bawah Akta Kerja 1955(Akta 265), seksyen 60M, memperuntukkan tiada majikan boleh menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil kerja seseorang pekerja asing. Di bawah akta yang sama, menurut seksyen 60N, sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebihan pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori perkerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu.

5. Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan supaya majikan mematuhi peruntukan undang-undang termasuklah hak pekerja dari segi pembayaran faedah penamatan kerja, notis penamatan. Kegagalan majikan untuk mematuhi peruntukan undang-undang yang ada melakukan satu kesalahan atau melanggar peruntukkan Akta. Apabila disabitkan, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap kesalahan boleh dikenakan.

6. Namun begitu, bagi memastikan syarikat-syarikat terus berdaya maju, kerajaan membenarkan syarikat-syarikat dalam sektor-sektor dan subsektor tertentu yang telah dikenalpasti kurang diminati oleh pencari kerja tempatan untuk menggajikan pekerja asing. Polisi semasa Kerajaan ialah penggajian pekerja asing dibenarkan

terutamanya dalam kategori pekerjaan asas dan tidak melebihi 15 peratus daripada tenaga kerja negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 27 MAC 2017

SOALAN :

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar dan kaedah penapisan keselamatan ke atas semua bakal penerima pingat dan anugerah agar unsur-unsur jenayah tidak menular ke dalam institusi Kerabat Di Raja.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pencalonan bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan (DKBPP) akan melalui beberapa Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pemilihan DKBPP. Setiap pencalonan yang diperakukan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap ini akan melalui tapisan keselamatan dan keutuhan yang dilaksanakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Insolvensi Malaysia. Hanya calon yang lulus bagi semua tapisan sahaja akan diperakukan oleh Kerajaan untuk pengurniaan DKBPP. Perakuan Kerajaan ini seterusnya diangkat untuk perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]**

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN : 19

Tuan Anuar Bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA** menyatakan langkah-langkah proaktif yang akan diambil Kementerian bagi menyelesaikan isu kewujudan menara telekomunikasi haram di negara ini yang dilihat boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan orang ramai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu bagi menangani kewujudan menara komunikasi haram adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaku pihak yang bertanggungjawab dalam meluluskan permit struktur komunikasi. Salah satu pendekatan yang boleh diambil adalah dengan mengadakan proses pemutihan secara menyeluruh ke atas kesemua menara yang masih tidak mempunyai permit.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 27 MAC 2017
[ISNIN]
DARIPADA : YB. DR. KO CHUNG SEN
[KAMPAR]

SOALAN :-

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) kenaikan harga purata rumah dan peratusan pemilikan rumah ; dan
- (b) purata nisbah harga rumah kepada pendapatan "Median-Multiple" untuk pasaran perumahan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga rumah seterusnya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (NAPIC), purata harga rumah suku tahun kedua tahun 2016 berbanding suku tahun kedua tahun 2015 adalah sebanyak RM21,259.00.

Manakala berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2014 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan pemilikan rumah bagi tahun 2014 mengikut jenis pemilikan rumah adalah seperti berikut:

- i. Rumah yang dimiliki sebanyak 76.1%;
- ii. Rumah yang disewa sebanyak 19.0%; dan
- iii. Rumah Kwartes sebanyak 4.9%.

b) Median *Multiple* adalah nisbah median harga rumah kepada pendapatan tahunan isi rumah. Median ini digunapakai untuk menentukan

kemampuan individu dalam pemilikan rumah. Sekiranya nisbah yang diperolehi adalah bernilai 3 dan ke bawah, maka individu tersebut layak dalam pemilikan rumah.

Purata harga rumah bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM290,764 manakala pendapatan tahunan isi rumah tahun 2014 adalah sebanyak RM73,692.00. Oleh yang demikian, nisbah harga rumah kepada pendapatan Median *Multiple* adalah sebanyak 4:1 yang bermaksud *Moderately Unaffordable* .

Dalam usaha untuk mengekang kenaikan harga rumah di pasaran pula, Kerajaan melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan 1966) (Akta 118) bertanggungjawab untuk pemaju perumahan patuh terhadap akta berkenaan termasuk mengawal spekulasi harga.

Selain itu, langkah tegas turut diambil oleh Kerajaan bagi membendung aktiviti spekulasi harga dalam jual beli hartanah seperti berikut:

- i. Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014;

- ii. Harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing adalah RM1 juta seunit;
- iii. Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat/insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- iv. Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) mulai November 2013 bagi mengelak peningkatan kos jualan harga rumah dengan memasukkan kadar faedah tertunggak semasa pembinaan perumahan berkenaan;
- v. Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat;

- vi. Bank Negara telah mengeluarkan panduan mengenai *Loan to Value* (LTV) mulai tahun 2013 bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksimum 70% sahaja ; dan
- vii. Melaksanakan moratorium selama 10 tahun bagi projek-projek agensi Kerajaan.

Selain itu, beberapa langkah tambahan turut diambil oleh Kerajaan bagi memantapkan sektor perumahan negara yang secara tidak langsung turut membantu dalam kawalan harga rumah di pasaran. Langkah-langkah tersebut termasuklah:

- i. Memperjelas definisi sebenar Rumah Mampu Milik (RMM) dengan menetapkan harga siling jualan RMM kepada RM300,000 seunit sebagai panduan kepada pembeli dan semua pihak yang terlibat dalam sektor perumahan negara; dan
- ii. Meningkatkan bekalan rumah dalam pasaran melalui penyediaan Program 1 Juta RMM menjelang tahun 2018. Langkah ini dapat

memberi lebih banyak pilihan kepada pembeli untuk mencari rumah yang bersesuaian dengan tahap kemampuan masing-masing selain daripada rumah yang disediakan oleh pihak pemaju swasta. Program penyediaan rumah ini turut melibatkan kerjasama di antara pelbagai Kementerian, Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri dan sektor swasta. Antara yang terlibat adalah seperti Jabatan Perumahan Negara (JPN) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Program Perumahan Rakyat (PPR), Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dan Skim Pinjaman Perumahan (SPP). Program ini turut melibatkan Program Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Program Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta lain-lain lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT melalui JPN sedang perhalusi Dasar Perumahan Negara (DRN) sedia ada untuk hasilkan DRN baharu (DRN 2.0) bagi tempoh 2018 hingga 2022 dengan menilai semula dasar, strategi dan pelan tindakan sedia ada, di samping mengambil kira

isu-isu, keperluan, tren, halangan, tekanan dan unjuran masa hadapan berkaitan perumahan di Malaysia khususnya yang melibatkan rakyat umum. Kerajaan berharap kajian semula ini akan dapat menjadikan DRN 2.0 lebih mampan dan inklusif termasuk usaha-usaha menangani isu kenaikan harga rumah.

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' ABD AZIZ BIN
SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BARU]**

TARIKH : 27 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam menangani masalah ketirisan dalam Jabatan dan Agensi Kerajaan seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara, Kerajaan mengambil 2 langkah iaitu '*corrective action*' dan '*punitive action*'. Melalui tindakan '*corrective action*', Kerajaan memastikan isu-isu yang dibangkitkan telah diambil tindakan penambahbaikan. Penyelesaian isu-isu ini dipaparkan di portal AG Dashboard. Manakala bagi isu-isu yang mengandungi unsur-unsur pembaziran, penyelewengan, pemborosan, kecuiaan dan pelanggaran peraturan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Polis Diraja Malaysia untuk diambil tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH

TARIKH : 27 MAC 2017

RUJUKAN : 9667

SOALAN :

Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan semenjak Akta SOSMA diluluskan, berapa orangkah yang telah didakwa dan ditangkap dengan menggunakan akta tersebut dan apakah jenis-jenis kesalahan yang dilakukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) merupakan suatu akta yang digubal untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas berhubungan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ini jelas menunjukkan bahawa SOSMA merupakan undang-undang berbentuk prosedur manakala jenis-jenis kesalahan melibatkan kesalahan keselamatan telah dinyatakan di dalam Jadual Pertama Akta tersebut.

Sejak 31 Julai 2012 hingga 22 Februari 2017, seramai 979 orang telah ditahan di bawah Akta tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU
HASAN
(PARIT)**

**TARIKH : 27.03.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pencapaian industri pertahanan dalam memacu pembangunan negara. Sehingga sekarang berapakah jumlah syarikat industri pertahanan yang telah beroperasi di Malaysia dan apakah potensi industri ini pada masa hadapan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini terdapat sebanyak 182 buah syarikat pertahanan tempatan bagi kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Industri Pertahanan Utama (IPU) bertaraf 3 hingga 5 bintang yang didaftarkan di bawah Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES), Kementerian Pertahanan.

MIDES sebagai badan yang menyelia pembangunan sektor industri pertahanan negara giat menjalankan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan potensi dan kemampuan industri pertahanan tempatan untuk lebih kompetitif melalui pengeluaran produk dan peralatan eksport. Antara produk dan peralatan yang berjaya dieksport sehingga kini adalah Trak Handalan ke Brunei Darussalam oleh DRB Hicom, Dragchute bagi pesawat MiG milik Myanmar oleh Syarikat ATSC, Metallic Tail Boom untuk pesawat Fennec oleh Syarikat SME Aviation, Komponen Komposit bagi pesawat A380, A400M dan Composite Tailboom untuk syarikat Eurocopter oleh Syarikat CTRM. Selain itu, syarikat Shin Yang di Miri

Sarawak juga pernah menghasilkan dua buah kapal latihan tentera laut UAE pada 2015.

Dengan sokongan dan bantuan kerajaan, syarikat-syarikat pertahanan tempatan mempunyai potensi yang besar di masa hadapan untuk menembusi pasaran serantau dan global dalam aspek pembuatan (*manufacturing*) kapal dan bot serta penyelenggaraan, baikpulih dan rombak rawat (MRO) untuk aset pertahanan udara. Syarikat tempatan juga berkeupayaan menembusi pasaran komponen komposit untuk syarikat-syarikat gergasi dunia yang menghasilkan pesawat-pesawat aeroangkasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL
HADI BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 27 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tujuan sebenar ditubuhkan pasukan petugas (task force) untuk menjalankan siasatan berhubung kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara pada sekitar tahun 1990-an dan siapakah ahli pasukan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kabinet telah menubuhkan sebuah Task Force untuk menjalankan siasatan awal berkenaan kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia pada sekitar tahun 1990-an.

Ia juga bertujuan untuk mengetahui apa sebenar yang telah berlaku, jumlah kerugian sebenar dan sama ada terdapat salah laku tatacara pentadbiran kewangan serta adanya tindakan pihak tertentu untuk menutup apa yang sebenar berlaku dari pengetahuan rakyat Malaysia selama ini.

Task Force ini akan mengemukakan syor dan cadangan untuk dipertimbangkan oleh Kabinet dalam tempoh terdekat dan tindakan selanjutnya termasuklah penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) jika perlu berdasarkan hasil siasatan itu nanti.

Tindakan Kerajaan ini membuktikan komitmen dan ketelusan Kerajaan untuk memastikan urusan Bank Negara pada ketika itu dijalankan mengikut urus tadbir yang ditetapkan. Kerajaan akan sentiasa terbuka dan transparan dalam siasatan ini memandangkan ianya melibatkan Bank Negara Malaysia dan dikatakan skandal kewangan terbesar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR HAJI IRMOHIZAM BIN IBRAHIM

KAWASAN : KUALA SELANGOR

TARIKH : 27.3.2017 (ISNIN)

NO. SOALAN : 25

YB DATO' SRI DR HAJI IRMOHIZAM BIN IBRAHIM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mengkaji semula hasrat melepaskan pegangan PROTON kepada rakan kongsi strategik asing supaya PROTON terus kekal menjadi milik negara sepenuhnya dan adakah pihak Kerajaan telah mengkaji pelbagai aspek mengenai impak pelepasan pegangan tersebut terutamanya terhadap kepentingan para pekerja.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

DRB-HICOM sebagai syarikat swasta yang memiliki PROTON secara penuh sejak tahun 2012 bebas melakukan keputusan perniagaannya dan Kerajaan tidak akan sama sekali campur tangan dalam mana-mana keputusan perniagaan termasuk dalam hal pemilikan PROTON.

Buat masa ini, proses penilaian oleh pihak PROTON dan Kumpulan DRB-HICOM ke atas calon-calon rakan-kongsi strategik telah berada

pada fasa yang terakhir dan hanya dapat dimuktamadkan dalam separuh pertama tahun 2017.

Sebarang keputusan yang diambil oleh DRB-HICOM merupakan pertimbangan dan keputusan perniagaan yang telahpun mengambil kira kedudukan daya saing PROTON pada masa sekarang dan masa hadapan termasuklah kebajikan warga kerja, elemen teknologi serta R&D, penguasaan pasaran, vendor tempatan dan lain-lain elemen ekosistem industri automotif.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap perkembangan semasa PROTON kerana ia mempunyai impak yang besar kepada negara memandangkan ekosistem PROTON yang melibatkan 10,000 orang pekerja PROTON dan 50,000 pekerja lain yang terlibat dalam "*supply chain*" PROTON.

Oleh yang demikian, sepertimana yang digariskan dalam Dasar Automotif Nasional 2014, Kerajaan akan terus memberikan sokongan kepada PROTON sebagai projek nasional bagi memastikan kepentingan industri automotif tempatan terpelihara termasuk kepentingan para pekerja.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 27.03.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pencerahan berhubung penghargaan yang telah diberikan kepada perwira dan satria yang telah terlibat dalam Operasi GUBIR pada 1976 khasnya kepada mereka yang cedera dan kepada balu-balu perajurit yang telah meninggal.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semua anggota yang terlibat dalam Operasi GUBIR dan semua jenis operasi yang dilaksanakan oleh ATM adalah dikategorikan berada dalam perkhidmatan giat. Oleh itu, sekiranya mereka mendapat kecederaan atau meninggal dunia semasa dalam tugas operasi, anggota dan balu (orang tanggungan) mereka layak diberi Faedah Hilang Upaya atau Kematian secara pukal dan bulanan berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Di samping itu, sebagai tambahan mereka juga layak dibayar faedah Ex-Gratia Bencana Kerja ATM yang juga memperuntukkan bayaran secara pukal dan bulanan bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sebagai penghargaan terhadap jasa serta pengorbanan yang telah dicurahkan, anggota yang cedera atau meninggal dunia semasa dalam tugas operasi juga layak menerima bayaran saguhati melalui derma Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) yang dibayar secara pukal.

Bagi anggota yang telah menunjukkan sifat keberanian yang luar biasa, gagah berani dan penuh pengorbanan semasa terlibat dalam operasi pula telah dianugerahkan dengan pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP), Panglima Gagah Berani (PGB), Jasa Perkasa Persekutuan (JPP) dan Panglima Tentera Udara (PTU) yang melayakkan mereka diberi elaun secara bulanan seumur hidup.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]
TARIKH : 27.3.2017 (ISNIN)

Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan dalam usaha untuk membantu meringankan kos perbelanjaan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan lagi jumlah syarikat yang mengambil bahagian serta meningkatkan kadar diskaun ke suatu tahap yang lebih berpatutan melalui penawaran Kad Siswa 1Malaysia (KadS1M).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) telah dilancarkan pada 2 Julai 2012 bertujuan untuk membantu meringankan perbelanjaan para mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta di seluruh negara. Sejak pelancaran, sebanyak 2,191,287 KADS1M telah diedarkan secara percuma kepada para pelajar IPT seluruh Malaysia.

Penglibatan rakan dagang dalam inisiatif KADS1M adalah berbentuk tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility – CSR*) dan pengeluaran kad ditaja sepenuhnya oleh Bank Rakyat. Sehingga Februari 2017, terdapat 271 rakan dagang dengan 444 cawangan telah menyertai inisiatif program KADS1M ini meliputi 12 segmen perniagaan, seperti makanan dan minuman, buku/alat tulis, produk IT, peruncitan, pakaian, percetakan, optometri, automotif/bengkel, sukan/rekreasi, pusat rawatan, penginapan dan pengangkutan serta produk/perkhidmatan kesihatan.

Pemegang KADS1M layak untuk menerima diskaun yang ditawarkan oleh rakan dagang (*merchant*) di antara 5-60 peratus bagi pembelian barangan dan perkhidmatan terpilih tertakluk kepada kadar, terma serta syarat yang telah ditetapkan. Inisiatif ini tidak melibatkan sebarang tambahan kos kepada perbelanjaan Kerajaan.

KPDNKK juga sedang giat untuk menambah lebih banyak rakan dagang dari masa ke semasa dan proses ini berjalan sepanjang tahun. Kemaskini jumlah rakan dagang dan jenis-jenis perkhidmatan yang ditawarkan potongan harga dibuat dari masa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 27.03.2017

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pengurangan hasil Kerajaan pada tahun 2015 dan tahun 2016 akibat penyusutan nilai tukaran wang asing berbanding dengan Ringgit Malaysia (RM).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Penyusutan nilai mata wang bukanlah suatu yang unik kepada Malaysia sahaja. Keadaan ini turut dialami oleh mata wang serantau yang mencerminkan terutamanya pengukuhan dolar AS. Pada tahun 2016, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 4.3% berbanding dolar

AS. Penyusutan nilai ringgit kebanyakannya didorong oleh perubahan aliran dana yang dipengaruhi oleh faktor luaran.

3. Faktor-faktor tersebut termasuklah jangkaan terhadap kenaikan kadar faedah, kenaikan kadar dasar Federal Reserve AS, ketidaktentuan dalam harga minyak mentah dunia, dan kebimbangan terhadap kadar pertumbuhan ekonomi dan ketidaktentuan pasaran kewangan di China. Selain itu, ketidaktentuan politik di UK, kawasan Euro dan AS, juga menjejaskan permintaan terhadap aset dalam pasaran sedang pesat membangun, yang seterusnya memberikan kesan negatif terhadap kebanyakan matawang negara-negara sedang pesat membangun dan serantau, termasuklah ringgit.

4. Sungguhpun nilai ringgit menyusut, sebahagian sektor dalam ekonomi domestik, menerima manfaat daripadanya. Pada masa yang sama juga, terdapat sebahagian lagi sektor ekonomi yang akan terjejas. Pengeksport akan menerima manfaat dari segi hasil eksport yang lebih tinggi dalam nilai ringgit atau peningkatan dalam permintaan bagi barangan buatan Malaysia berikutan harganya menjadi lebih murah. Manakala, bagi pengimport, akan berlaku peningkatan kos memandangkan barangan import menjadi lebih mahal. Sebagai sebuah negara pengeksport bersih, penyusutan nilai

ringgit memberi kesan yang positif, terutamanya kepada eksport perkilangan Malaysia yang menyumbang sebanyak dua pertiga daripada jumlah eksport kasar.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Bagi Kerajaan Persekutuan pula, dedahan (*exposure*) secara langsung terhadap risiko pertukaran wang asing, hanyalah terhadap bayaran khidmat hutang bagi pinjaman luar pesisir, yang meliputi bayaran keuntungan (kupon) dan pinjaman yang diperolehi dari sumber dua hala (antara kerajaan dengan kerajaan) dan pelbagai hala (institusi kewangan antarabangsa). Pembayaran khidmat hutang yang dibuat adalah berdasarkan kepada jadual yang telah ditetapkan oleh pemegang bon, sukuk serta pemberi hutang yang lain.

6. Sepanjang tahun 2015, sebanyak RM0.6 billion atau 2.3% daripada jumlah bayaran khidmat hutang telah dibelanjakan bagi bayaran keuntungan (kupon) sukuk dan pinjaman yang diterbitkan di pasaran luar pesisir dalam mata wang asing. Manakala, bagi tahun 2016 pula, RM0.7 billion atau 2.8% daripada jumlah bayaran khidmat hutang telah dibelanjakan untuk tujuan yang sama. Peningkatan bayaran khidmat hutang ini adalah disebabkan oleh antara lainnya

terbitan hutang baharu pada tahun 2015 dan 2016 bagi tujuan memenuhi keperluan membayar balik hutang yang matang serta membiayai defisit.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendedahan kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kepada tukaran mata wang asing adalah amat kecil. Sehingga akhir Disember 2016, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM648.5 bilion atau 52.7% daripada KDNK. Daripada jumlah itu, sebanyak RM624.8 bilion atau (96.4% dari jumlah hutang; 50.8% daripada KDNK) adalah dari sumber domestik manakala sebahagian kecil sahaja iaitu RM23.7 bilion (3.6% dari jumlah hutang; 1.9% KDNK) adalah daripada sumber luar pesisir. Oleh yang demikian, perubahan kadar tukaran asing memberi impak yang minima kepada bayaran khidmat hutang.

8. Pada masa yang sama, dedahan terhadap hutang dalam mata wang dolar AS yang terdekat adalah pada tahun 2021, iaitu tranche ke-2 Sukuk Global 2011 yang berjumlah USD0.8 bilion. Dengan pelbagai usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan asas ekonomi dan merangsang kadar pertumbuhan yang mapan, adalah dijangka kadar tukaran asing pada masa tersebut adalah lebih baik dan secara tidak langsung mengurangkan risiko terhadap

tukaran asing.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH
EMBAS
(BETONG)**

**TARIKH : 27.03.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah perolehan kapal New Generation Patrol Craft (NGPC) dan Offshore Petrol Vessel (OPV) akan ditempatkan di Wilayah Maritim Sarawak. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membeli Landing Ship untuk Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian tidak membuat perolehan baru untuk *New Generation Patrol Craft* (NGPC) dan *Offshore Patrol Vessel* (OPV).

Penugasan kapal TLDM secara berterusan (24/7) di Wilayah Maritim Sarawak terutama di perairan Beting Patinggi Ali (BPA) giat dilaksanakan melalui penugasan kapal-kapal dari Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK).

Buat masa ini Kementerian tiada perancangan untuk membuat perolehan *Landing Ship* khusus untuk negeri Sarawak. Perolehan aset pertahanan dibuat berdasarkan kepada kepentingan strategik pertahanan secara menyeluruh.

SOALAN (30)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 27 MAC 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]**

SOALAN :

YB Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- a) statistik hartanah dimiliki warga asing atau syarikat asing mengikut negeri dan negara asal mereka.
- b) Cadangan Kerajaan menggalakkan atau sebaliknya pemerolehan hartanah Malaysia oleh pihak asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilikan perumahan oleh warga asing dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Negeri menerusi dasar perumahan negeri yang telah dipersetujukan di peringkat negeri. Namun demikian, perolehan hartanah oleh kepentingan asing dalam kategori hartanah kos rendah dan sederhana rendah adalah tidak dibenarkan kerana hartanah tersebut disediakan dan dibangunkan khusus untuk rakyat tempatan terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Contohnya di Negeri Selangor, Garis Panduan Perolehan Hartanah Oleh Warganegara Asing/ Penduduk Tetap/ Syarikat Asing Di Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) digunakan untuk mengawalselia urusan ini.

Bagi memastikan kepentingan rakyat dan negara dilindungi, Kerajaan juga mengeluarkan Garis Panduan Perolehan Hartanah yang turut digunakan sebagai panduan oleh Kerajaan Negeri. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Kerajaan Negeri untuk memastikan dasar-dasar berkaitan pemilikan perumahan oleh warga asing ini dipatuhi.

Sekian, terima kasih

27 Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
[RAUB]**

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

**Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [Raub] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

(a) berapakah jumlah hutang peneroka kepada Felda sekarang yang belum dilangsaikan.; dan

(b) berapakah jumlah wang yang dibayar kepada KPF apabila bersetuju menyerahkan 51% kepentingannya dalam Felda Holdings.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang peneroka adalah terdiri daripada hutang Pembangunan Kebun (Pembangunan Asal, Tanam Semula dan Ambil Alih Ladang), hutang Sosio Ekonomi Peneroka (Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Pelajaran Tinggi, Pinjaman Komputer, Pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF) dan Pinjaman Saham FGV) dan Pendahuluan Baja. Sehingga Disember 2015, baki hutang keseluruhan peneroka FELDA adalah RM4,988.79 juta.

Berkenaan penjualan 51% ekuiti Koperasi Permodalan FELDA Berhad (KPF) dalam FELDA Holdings Berhad (FHB), nilai perolehan penjualan adalah berjumlah RM2.2 billion.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD
KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN :

**Ust Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta PERDANA MENTERI menyatakan status pelaksanaan audit
ke atas semua rangkaian sistem pengangkutan awam di negara ini
dan bagaimana dapatan audit tersebut.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah mula melaksanakan audit ke atas pengendali Bas dan Lori mulai Januari 2014. Fokus program audit yang dijalankan adalah untuk menilai tahap pematuhan pengendali Bas dan Lori berisiko tinggi terhadap peraturan SPAD ICOP (*Industrial Code of Practice*) Keselamatan. Untuk makluman, SPAD ICOP Keselamatan ini telah dikuatkuasakan sebagai syarat lesen pengendali sejak Ogos 2013 untuk pengendali Bas dan Oktober 2013 untuk pengendali Lori.
2. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, 371 audit telah dijalankan ke atas pengendali Bas dan Lori. Daripada jumlah tersebut, tindakan penggantungan lesen telah di ambil ke atas 171 pengendali Lori dan 41 pengendali Bas atas pelbagai kesalahan.
3. Tambahan kepada itu, penilaian tahap pematuhan pengendali kepada elemen-elemen di dalam SPAD ICOP Keselamatan pada masa ini juga diambil kira semasa proses menilai kelayakan permohonan membaharui lesen pengendali Bas dan Lori.
4. Sementara itu, bagi sistem-sistem kereta api di Malaysia pula, SPAD sentiasa melaksanakan audit keselamatan, teknikal dan penilaian teliti secara berkala. Audit-audit ini adalah untuk memastikan pengendali-pengendali berlesen kereta api sentiasa mengutamakan

ketepatan sistem dan subsistem kereta api serta memastikannya mencukupi, sistem pengurusan dokumentasi termasuk *Standards Operation Procedure* (SOP) yang lengkap dan penyediaan sistem pengurusan risiko untuk operasi dan penyelenggaraan sistem kereta api yang menyeluruh. Segala pemerhatian yang dikenalpasti hasil aktiviti-aktiviti audit ini akan terus dikongsi bersama pengendali kereta api untuk penambahbaikan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 33

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

NO. RUJUKAN :

SOALAN :

TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada kilang getah milik Tetuan Kian Lee SMR Factory Sdn. Bhd. di Buloh Kasap dan kilang sawit milik Tetuan Milik Mestika Sdn. Bhd. di Jementah/Kebun Bahru telah menenuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk mengawal pencemaran udara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi premis Kian Lee SMR Factory Sdn Bhd dan juga Kilang Milk Mestika Sdn Bhd merupakan kilang yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kedua-dua kilang ini mempunyai Jadual Pematuhan yang menggariskan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak kilang bagi mematuhi semua peruntukan yang telah ditetapkan.

Bagi Premis Kian Lee SMR Factory Sdn Bhd, siasatan terkini menunjukkan premis memenuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan khususnya dalam aspek pencemaran udara. Bagi pemantauan pencemaran bau, JAS telah menetapkan kepekatan bau hendaklah dipantau secara dua kali setahun (6 bulan sekali) dan laporan di hantar ke JAS Cawangan Muar. Berdasarkan persempelan oleh Lembaga Getah Malaysia menunjukkan bacaan kepekatan bau dalam sempel udara adalah antara 779 ou/m³ hingga 1,576 ou/m³. Hasil persempelan oleh Lembaga Getah Malaysia menunjukkan tiada standard untuk pencemaran bau ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk dibuat perbandingan bagi premis Kilang Getah.

Oleh kerana kepekatan bau ini masih memberi kesan kepada penempatan penduduk yang terhampir memandangkan jarak premis dan penempatan hanyalah 200 meter dan berada dalam lingkungan jejari 500 meter zon penamparan yang ditetapkan, premis telah diarahkan untuk meningkatkan kawalan pencemaran bau melalui alat kawalan

pencemaran udara dan juga meningkatkan aspek pengurusan stor bahan mentah “ cup lump” yang diterima bagi mengurangkan kesan pencemaran bau di penempatan terhampir. Pemantauan ini dilakukan melalui pengauatkuasaan secara berterusan oleh JAS Cawangan Muar.

Sementara itu bagi premis Milik Mestika Sdn. Bhd, siasatan terkini menunjukkan premis mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan khususnya dalam aspek kawalan pencemaran udara. Berdasarkan percontohan cerobong terkini menunjukkan premis masih mematuhi standard yang ditetapkan. Selain itu juga premis turut memasang *Continuous Emmision Monitoring System* bagi memantau pelepasan ke udara setiap masa dan dipantau juga oleh pihak Jabatan.

Sekian, terima kasih.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU - PAS]**

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN NO. 34

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah sasaran pencapaian atlet-atlet negara dalam Temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah meletakkan sasaran untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 mengatasi negara-negara terkuat Asia Tenggara seperti Thailand, Vietnam, Indonesia dan Singapura.
2. Sebagai persediaan, KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah pun melaksanakan **Program KITA JUARA** bermula pada bulan September 2015 lalu iaitu program persediaan atlet ke arah temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Program KITA JUARA ini dilaksanakan dengan memberikan **“empowerment” kepada Persatuan Sukan Kebangsaan** serta mewujudkan sebuah Jawatankuasa Kerja MSN-PSK bagi setiap jenis sukan sebagai kaedah pemantauan program. Program ini juga akan melalui 3 fasa latihan iaitu **Fasa Pertama** bermula September 2015 sehingga September 2016, **Fasa Kedua** bermula dari Oktober 2016 sehingga Mac 2017 dan **Fasa Ketiga** baru sahaja bermula dari April sehingga Ogos 2017. Sehingga kini, Program KITA JUARA mempunyai seramai **874 atlet dan 133 jurulatih** dari 38 jenis sukan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 27.3.2017

SOALAN :

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pelaksanaan projek SMK Kanibongan tidak terus terbengkalai dan bilakah tarikh baru patut siap projek ini memandangkan penduduk setempat amat kritikal atas kelewatan projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan SMK Kanibongan telah mendapat kelulusan lanjutan masa kedua (EOT.2) sehingga 30 April 2018 dan tarikh siap semasa bagi projek pembinaan SMK Kanibongan, Pitas ialah pada 30 April 2018.

Akibat kelewatan projek, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah dengan mengeluarkan Notis Amaran Kemungkinan kepada kontraktor.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING
KAWASAN : TAIPING
TARIKH BAHAS : 27 MAC 2017 (ISNIN)
NO. SOALAN : 36

TUAN NGA KOR MING minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan menyatakan secara satu per satu berapakah jumlah perlaburan Negara China di negara kita dan apakah nama projek-projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua

1. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2016, jumlah pelaburan yang diluluskan dari negara China dalam sektor pembuatan berjumlah RM4.8 bilion. Pelaburan ini melibatkan 33 projek dan dijangka menjana 10,147 peluang pekerjaan. Pelaburan yang diluluskan dari negara China merupakan pelaburan langsung asing yang terbesar bagi tempoh ini. Daripada jumlah pelaburan ini, sektor industri barangan elektronik dan elektrik mencatatkan pelaburan langsung asing yang tertinggi dari negara China iaitu sejumlah RM1.8 bilion, diikuti dengan industri barangan galian bukan logam (RM1.4 bilion) dan industri barangan logam asas (RM1.3 bilion).

2. Bagi jumlah pelaburan dari negara China yang telah direalisasikan setakat tahun 2016, Malaysia telah mencatatkan jumlah pelaburan akumulatif dari negara China sebanyak RM14.2 bilion dalam sektor perkilangan. Pelaburan ini melibatkan 220 projek dan telah menjana 33,020 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan yang direalisasikan ini, sektor barangan logam asas mencatatkan pelaburan yang tertinggi iaitu sejumlah RM6.4 bilion, diikuti dengan industri barangan elektronik dan elektrik (RM4.7 bilion), industri

barangan galian bukan logam (RM1.4 bilion) dan industri tekstil and barangan tekstil (RM560.9 juta). Pelaburan yang telah direalisasikan dari negara China setakat tahun 2016 berada di kedudukan kelapan.

3. Syarikat-syarikat China yang telah melaksanakan pelaburan di Malaysia antaranya adalah Ye Chiu Non-Ferrous Metal (M) Sdn Bhd (logam asas), Comtec Solar International (M) Sdn Bhd (industri solar), Jinko Solar Technology Sdn Bhd (industri solar), Ji Kang Dimensi (M) Sdn Bhd (logam asas), Xiamen University (perkhidmatan pendidikan), Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. (ICT) dan CSR Rolling Stock (M) Sdn Bhd. (peralatan pengangkutan).

4. Di samping penglibatan syarikat-syarikat dari China dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan, syarikat-syarikat dari negara China turut melabur dalam projek-projek infrastruktur di Malaysia. Kerajaan menggalakkan usahasama dan penglibatan syarikat-syarikat kerajaan dan sektor swasta dalam projek-projek pembangunan bagi merancakkan ekonomi negara, seterusnya memberi peluang dan membangunkan rantaian bekalan perkhidmatan oleh syarikat-syarikat tempatan.

5. Antara projek-projek ikonik yang melibatkan pelaburan-pelaburan China termasuk:

i. Forest City Iskandar Johor

Projek Forest City yang terletak di kawasan seluas 1,370 hektar di Tanjung Kupang dekat Gelang Patah, Johor melibatkan pelaburan komited sebanyak RM170 bilion serta mengambil masa sehingga 20 tahun untuk dibangunkan dan akan menyediakan lebih 220,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2035. Pemaju Projek ultra-mega ini merupakan Country Garden Pacificview Sdn. Bhd. Projek bandar pintar ini akan dibangunkan di empat pulau buatan manusia dan telah diluluskan Penilaian Terperinci Kesan Alam Sekitar (DEIA).

Projek Forest City diselaras bersama oleh **Kerajaan Negeri Johor dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (Iskandar Regional Development Authority -IRDA).**

ii. **Projek Melaka Gateway**

KAJ Development Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat swasta tempatan yang merupakan pemaju utama projek Melaka Gateway akan bekerjasama dengan sebuah syarikat China iaitu Powerchina International Group Ltd untuk membangunkan 4 buah pulau dengan pelaburan sebanyak RM30 bilion. Nilai Pembangunan Kasar (GDV) bagi projek ini adalah sebanyak RM64 billion. Projek ini dijangka siap pada tahun 2025 dan dijangka akan menarik kira-kira 2.5 juta pengunjung setahun dan mewujudkan antara 40,000 dan 45,000 peluang pekerjaan. Projek ini juga dijangka akan memberi kesan positif pada pembangunan industri-industri lain seperti pelancongan dan hospitaliti dan industri kecil dan sederhana di Melaka.

Projek Melaka Gateway ini diselaraskan oleh **Kerajaan Negeri Melaka**.

iii. **Projek Bandar Malaysia**

Pembangunan Bandar Malaysia merupakan projek Kerjasama Sektor Awam dan Swasta (PPP) antara Kementerian Kewangan dengan kepentingan 40 peratus dan Konsortium Iskandar Waterfront Holdings (IWH)-China Railway Engineering Corporation (CREC) 60

peratus. Nilai Pembangunan Kasar (GDV) bagi projek ini adalah sebanyak RM200 billion. Bandar Malaysia terletak di Sungai Besi, Kuala Lumpur yang ketika ini merupakan pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Pembangunan hartanah itu dijangka turut membabitkan pembinaan bandar bawah tanah antara terbesar di dunia dengan keluasan 194 hektar. Bandar Malaysia akan menampilkan antaranya bangunan pejabat, pusat membeli belah, terminal pengangkutan berintegrasi, pusat institusi kewangan, pusat integrasi kesihatan dan pendidikan serta hab operasi serantau untuk menarik pelaburan syarikat multinasional. Sebagai contoh, CREC bersetuju untuk melabur sebanyak RM8.1 bilion bagi pembinaan pusat serantaunya di Bandar Malaysia. Terdapat banyak peluang untuk syarikat-syarikat tempatan terlibat dalam projek Bandar Malaysia.

Kementerian Kewangan (MOF), sebagai pemegang saham utama Bandar Malaysia, akan memastikan tender dan kontrak dibuat secara terbuka dan telus, supaya syarikat-syarikat Malaysia boleh turut serta dan penglibatan yang lebih ketara dalam pembangunan Bandar Malaysia. Pembabitan MRCB Bhd sebagai rakan

usaha sama dalam projek Terminal Pengangkutan Bersepadu Bandar Malaysia membuktikan bahawa syarikat tempatan turut meraih manfaat daripada pembangunan berkenaan.

Penyelaras utama bagi projek Bandar Malaysia adalah **Kementerian Kewangan.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.03.2017

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) jumlah kos projek LRT apabila ianya selesai dan bagaimanakah keseluruhan projek ini dibiayai ; dan
(b) bagaimanakah kos ini dapat diperolehi semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kos pembinaan projek LRT3 dianggarkan berjumlah RM9 bilion. Kos ini tidak termasuk kos pengambilan semula tanah, fi Rakan Penyampaian Projek (*Project Delivery Partner - PDP*) dan lain-lain kos operasi.

Memandangkan status projek masih di peringkat awal, jumlah kos projek masih belum dapat dimuktamadkan. Kos ini akan dibiayai oleh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) melalui penerbitan sukuk.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, pada masa ini kos untuk membayar semula pembiayaan pembangunan infrastruktur dan sistem pengangkutan awam ditampung melalui dua sumber utama iaitu melalui sumber pendapatan tambang (*fare revenue*) dan sumber bukan-tambang (*non-fare revenue*) seperti penyewaan ruang pengiklanan di stesen-stesen dan kenderaan pengangkutan awam, penyewaan tapak-tapak perniagaan di kawasan stesen dan pembangunan hartanah di kawasan yang berhampiran stesen (*Transit-Oriented Development*).

Namun, perlu juga diingatkan bahawa pembangunan dan penyediaan sistem pengangkutan awam yang cekap adalah satu usaha berterusan dan Kerajaan akan terus memberikan komitmen sepenuhnya bagi memastikan infrastruktur dan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap dengan kadar tambang yang berpatutan bagi meningkatkan kualiti hidup dan produktiviti rakyat, seterusnya menjana pembangunan ekonomi negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 27 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan atas Akta Laut Wilayah 2012 yang telah dianggap sebagai satu pelanggaran Perlembagaan Persekutuan oleh Kerajaan Negeri Sarawak kerana ia mengubah sempadan wilayah negeri Sarawak tanpa persetujuan Dewan Undangan Negeri Sarawak.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Laut Wilayah 2012 telah digubal memandangkan tiada undang-undang Persekutuan lain yang menetapkan lebar laut Wilayah Malaysia selain daripada Ordinan No. 7 1969 yang telah berhenti berkuatkuasa setelah proklamasi darurat diungkai.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Dr. Haji. Abd. Latiff Bin Ahmad
[Mersing]

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN : Datuk Dr. Haji. Abd. Latiff Bin Ahmad
[Mersing] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan

adakah terdapat perubahan signifikan daripada segi kualiti pengeluaran padi setelah benih padi hibrid diperkenalkan oleh Kerajaan dan apakah langkah Kerajaan dalam memastikan negara mampu menampung permintaan beras dalam negara sekaligus mengurangkan kadar kebergantungan terhadap beras import.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pengeluaran padi hibrid masih belum dikomersilkan di Malaysia. Masih di peringkat ujian multilokasi untuk melihat kesan faktor persekitaran terhadap varieti tersebut. Pihak pengembangan telah diberi pendedahan awal berkaitan teknologi penanaman padi hibrid Malaysia dan pada masa ini MARDI sedang menilai prestasi pengeluaran benih induk hibrid (CMS B dan R). Pengeluaran benih induk ini sangat bergantung kepada faktor persekitaran terutamanya suhu dan taburan hujan semasa peringkat padi bunting dan terbit tangkai. Pihak pengembangan juga akan diberi latihan teknikal berkaitan pengurusan tanaman benih induk ini.

Pada masa ini Tahap Sara Diri (SSL) dalam negara adalah 71.4%. Kementerian sentiasa berusaha mencari kaedah untuk meningkatkan hasil dan mutu pengeluaran padi seluruh negara. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:-

- (i) pengurusan secara berpusat di bawah NKEA (EPP11);
- (ii) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran;
- (iii) penggunaan varieti baru dan benih padi sah;
- (iv) pengamalan teknologi pertanian tepat;
- (v) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi;

- (vi) pengenalan kepada varieti benih baru seperti MARDI 284 dan MARDI Siraj 297; dan
- (vii) membuka kawasan jelapang padi baru di **Pekan, Rompin, Kota Belud dan Batang Lupar** dengan tambahan jumlah keluasan kawasan seluas 25,905 hektar

NO. SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 27 MAC 2017

SOALAN :

YB. Datuk Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mempromosi Tasik Bakun dan Tasik Murum sebagai tarikan pelancong setanding dengan Tasik Kenyir.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan berterima kasih kerana mengetengahkan destinasi baru untuk dipromosikan oleh agensinya Tourism Malaysia yang senantiasanya mencari produk-produk baru untuk diperkenalkan kepada pelancong asing dan tempatan sebagai destinasi baru untuk diterokai. Kementerian juga selalu bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam mencari destinasi-destinasi baru yang boleh diperkenalkan kepada pelancong baik dari dalam mahupun dari luar negara.

Sehubungan itu, sebagai langkah mempromosikan Tasik Bakun, pejabat Tourism Malaysia Sarawak telahpun mengadakan sesi lawatan melibatkan pengusaha pelancongan Sarawak iaitu International Travel Centre Sdn Bhd dan media dari Majalah Umpan dan Majalah Pancing dari 5-8 Oktober 2016. Artikel empat mukasurat mengenai Tasik Bakun telahpun keluar di Majalah Pancing pada isu Januari 2017 manakala Majalah Umpan melalui sisipan 3 minggu berturut-turut di Sinar Harian pada bulan Oktober 2016.

Sehingga kini terdapat 9 pakej menyelam dan 16 pakej memancing di Sarawak termasuk pakej memancing di Bakun telah dibangunkan oleh pejabat TM Sarawak dan telah diserahkan kepada *Sarawak Tourism Board* (STB) untuk tindakan mereka selanjutnya.

Namun begitu beberapa lagi langkah promosi boleh diambil kira seperti;

1. Menjalankan kempen promosi dan pengiklanan taktikal yang memuatkan pakej-pakej pelancongan ke Tasik Bakun sempena musim cuti sekolah;
2. Bekerjasama dengan pengusaha *homestay* Uma Belor di Sg. Asap (Rumah Panjang Terpanjang Di Sarawak) dan *floating house* di Tasik Bakun bagi membangun dan mempromosikan pakej homestay yang memberikan pengalaman sebenar kehidupan masyarakat setempat kepada pelancong domestik dan antarabangsa; dan
3. Menyediakan platform bagi pihak-pihak berkenaan dari Tasik Bakun menyertai misi-misi galakan promosi Tourism Malaysia di dalam dan luar negara.

Bagi Tasik Murum, kajian mengenai produk ini akan dilaksanakan oleh pejabat TM Sarawak dengan kerjasama Sarawak Tourism Board bagi mengenalpasti potensi selanjutnya supaya ianya dapat dipromosikan dengan lebih berkesan sekiranya ianya benar-benar bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. MANSOR BION ABD RAHMAN
[SIK]

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menangani masalah dan nasib pemandu teksi di Kuala Lumpur yang mengadu tentang Uber yang mana lebih murah daripada teksi dan apakah cara penyelesaian yang diberikan untuk menjaga kepentingan pemandu teksi.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Satu makmal khusus telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pemain industri teksi. Makmal berkenaan telah melibatkan semua *stakeholders* yang berkenaan, termasuk pemandu teksi sendiri, agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat teksi dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO).
2. Hasil daripada makmal berkenaan telah melahirkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menyenaraikan 11 inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama memberi fokus yang khusus terhadap keperluan dan kebajikan pemandu teksi.
3. Antara inisiatif tersebut ialah untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing*, iaitu aktiviti tempahan perkhidmatan teksi atas talian melalui aplikasi pintar/mudah alih seperti UBER dan Grab sebagai perkhidmatan perantara di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Bagi tujuan ini, pindaan kepada undang-undang sedia ada akan dibentangkan di Parlimen pada mesyuarat pertama tahun ini.
4. Langkah kawal selia ini adalah untuk memastikan penggunaan teknologi membawa kesan yang positif bukan sahaja pemandu teksi, pemandu *e-hailing* dan penumpang, malah memberi ruang kepada

usahawan tempatan yang berminat untuk menerokai peluang dalam industri ini melalui pembangunan sistem aplikasi tempatan.

5. Pada masa yang sama, satu rangka polisi baru telah disediakan bagi memastikan pengendali perkhidmatan berkenaan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan memberi manfaat kepada pengguna dan juga pemandu. Ia juga bertujuan untuk memastikan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua pemain industri untuk bersaing secara lebih sihat.

6. Antaranya, penyedia perkhidmatan *e-hailing* akan diwajibkan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain itu, prosedur sama yang perlu dipatuhi oleh pemandu teksi juga terpakai kepada semua pemandu *e-hailing*, seperti keperluan untuk memiliki Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD, pemeriksaan kenderaan serta proses saringan dan latihan yang akan ditetapkan. Melalui kaedah ini, kedua-dua perkhidmatan teksi konvensional dan juga *e-hailing* akan dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada orang awam.

7. Dalam pada masa yang sama, pemandu teksi boleh terus mendapatkan penumpang secara konvensional atau *street hailing* dan pada masa yang sama boleh mengambil peluang ke atas penggunaan teknologi untuk mendapatkan penumpang dengan menggunakan kaedah *e-hailing*, iaitu menggunakan aplikasi mudah alih. Penggunaan konvensional akan masih berdasarkan harga siling menggunakan meter manakala tambang sistem aplikasi *e-hailing* akan diliberalisasi dan tidak dikawal selia, menjadikannya dinamik dan ditetapkan oleh permintaan pasaran.

8. Melalui cara ini, pemandu teksi akan mempunyai lebih pilihan cara untuk mendapatkan penumpang. Pemandu teksi boleh beroperasi dengan lebih fleksibel dan turut berpeluang untuk menawarkan kadar tambang yang sama seperti yang diperolehi oleh pemandu perkhidmatan *e-hailing* yang lain seperti Uber dan Grab.

9. Pemandu-pemandu teksi sedia ada juga disaran untuk memanfaatkan penggunaan teknologi dalam menyediakan perkhidmatan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan dan bersaing dengan pemberi perkhidmatan *e-hailing* yang lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.03.2017

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) apa jumlah wang yang dilaburkan oleh KWSP dalam penyenaiaan IPO FELDA Global Ventures Holdings dan berapakah kerugian yang ditanggung oleh KWSP ke atas pelaburannya selepas harga saham FGV jatuh ; dan

(b) sama ada Tabung Haji dan KWAP akan mengurangkan pegangan masing-masing dalam FGV untuk mengelakkan kerugian seterusnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 28 Jun 2012, syarikat

Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGVH) telah disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia. Prospek penyenaian FGVH adalah amat positif ketika itu, disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut :

(i) FGVH merupakan syarikat perladangan keempat terbesar di dunia dan kedua terbesar di Malaysia dengan jumlah keluasan ladang FGVH adalah sebanyak 412,249 hektar, yang mana 86 peratus daripadanya, iaitu 355,864 hektar terletak di Malaysia;

(ii) FGVH juga merupakan pengeluar minyak kelapa sawit ketiga terbesar di dunia dan hasil pengeluaran sawit dijangka meningkat bagi tempoh tiga hingga lima tahun akan datang; dan

(iii) Pertumbuhan masa hadapan syarikat yang dijangka akan dipacu oleh penambahbaikan operasi dalaman serta pengembangan syarikat melalui pertumbuhan secara organik dan pemilikan aset-aset yang berprospek positif.

Justeru, berdasarkan penilaian yang terperinci terhadap prospek-prospek yang dikenalpasti, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah membuat keputusan untuk melabur di dalam syarikat ini. Pegangan awal KWSP ketika terbitan awal ini adalah sebanyak 164,166,188 unit atau 4.50 peratus dan bersandarkan pada keputusan kewangan yang memberangsangkan dan pemantauan yang teliti, KWSP telah meningkatkan pegangan keseluruhan

sehingga 8.49 peratus setakat 30 September 2013.

Pihak KWSP telah melupuskan keseluruhan pegangan saham dalaman di dalam FGVH pada 3 Ogos 2016 dan mencari peluang pelaburan baru ke dalam syarikat yang mempunyai pelaksanaan strategi yang lebih mantap serta prospek pertumbuhan yang lebih cerah. KWSP telah mengalami kerugian nyata dalam pasaran sebanyak RM203.18 juta. Bagaimanapun, KWSP telah menerima pendapatan dividen sebanyak RM105.77 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP sentiasa memantau syarikat-syarikat yang dilaburkan agar sentiasa memenuhi kriteria-kriteria pelaburan KWSP yang ketat terutamanya syarikat-syarikat yang mempunyai '*fundamental*' yang kukuh dalam menjamin pendapatan pelaburan yang stabil. Walau bagaimanapun, pertimbangan akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang hanya mengalami prestasi kewangan yang lemah tetapi berpotensi untuk kembali pulih dalam jangka masa yang pendek. Manakala bagi syarikat-syarikat yang menunjukkan kemerosotan prestasi kewangan yang berterusan serta pengurusan syarikat yang kekal lemah, KWSP akan mengurangkan atau melupuskan keseluruhan pegangan dalam syarikat tersebut setelah analisa yang terperinci dilakukan. Pihak

KWSP sentiasa komited dalam menjamin dan meningkatkan simpanan ahlinya dengan mengambil pendekatan berhemah dalam setiap keputusan pelaburan dan tadbir urus korporat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaburan Lembaga Tabung Haji (TH) dalam FGV sentiasa dinilai dari masa ke semasa. TH berkeyakinan bahawa FGV akan mencatatkan pemulihan prestasi pada tahun ini dan pada masa akan datang. Pemulihan ini akan didorong oleh penambahbaikan daripada segi pengeluaran dan program-program yang dilaksanakan yang dijangka akan membuahkan hasil yang positif kepada syarikat berkenaan.

Manakala, Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) pula akan sentiasa memantau keadaan pasaran dan prestasi FGV untuk memastikan pelaburan mereka akan mendatangkan keuntungan yang setimpal.

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN :

**Datuk Noor Ehsanuddin Bin MohdHarun Narrashid [KotaTinggi]
minta **PERDANAMENTERI** menyatakan apakah Kementerian bercadang
menjadikan sistem wakaf sebagai komponen pasaran kewangan yang
lebih besar dan lebih berdaya saing.**

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI))**

Tuan Yangdi-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf adalah termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku **pemegang amanah tunggal** bagi semua harta

wakaf sama ada berbentuk harta alih atau harta tak alih di negeri masing-masing dan bertanggungjawab untuk memastikan harta wakaf diuruskan dengan sebaiknya.

Pengurusan wakaf negeri adalah berpandukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri atau Enakmen Wakaf Negeri masing-masing. Sehubungan itu, perkembangan dan kemajuan institusi wakaf bergantung kepada keupayaan MAIN untuk memainkan peranan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemegang amanah. Dalam konteks ini, Kerajaan menerusi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bersama MAIN sentiasa berkerjasama untuk memajukan harta wakaf bagi memantapkan ekonomi orang Islam di seluruh negara.

Mengenai cadangan wakaf sebagai komponen pasaran kewangan, dimaklumkan bahawa usaha kearah ini adalah merupakan usaha berterusan bagi memartabatkan kedudukan sosio-ekonomi umat Islam di Malaysia. Usaha ini turut memerlukan kerjasama yang berterusan daripada pelbagai pihak menerusi kaedah pendanaan alternatif melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di antara JAWHAR bersama Suruhanjaya Sekuriti (SC), Bank Negara Malaysia (BNM), Perbankan Islam, MAIN, ahli-ahli akademik dan sebagainya bagi membolehkan wakaf terus diperkasa terutamanya melalui instrumen Wakaf Tunai dan Wakaf Korporat yang kini diterajui oleh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM).

Sekian, terimakasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi

[Sungai Besar]

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

**SOALAN : (Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:-**

apakah pelan dan tindakan pihak Kementerian bagi menangani penyakit BLB yang melanda sawah padi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa perihatin akan masalah yang dihadapi oleh petani. Untuk makluman, penyakit BLB merupakan penyakit Hawar Daun Bakteria atau *Bacterial Leaf Blight* (BLB) yang melanda kawasan Barat Laut Selangor pada musim 2/2016 yang lalu melibatkan keluasan tanaman 8,205.40 ha secara keseluruhannya. Penyakit ini disebabkan oleh kelembapan yang tinggi kerana hujan dan angin kuat.

Antara usaha sedang dilaksanakan bagi mengatasi serangan penyakit BLB adalah seperti berikut:-

- i) menyediakan panduan kepada petani untuk langkah-langkah kawalan penyakit pada masa akan datang daripada kaedah penyediaan tanah sehingga padi dituai seperti Amalan Pertanian Baik (MyGAP);
- ii) penyelarasan dengan agensi-agensi teknikal seperti MARDI, DOA dan IADA melalui Jawatankuasa

Pengurusan Perosak Tanaman Padi bagi mengenalpasti punca serangan penyakit BLB;

- iii) pemantauan rapi dan berterusan dari semasa ke semasa melalui Mesyuarat *Task Force* yang dijadualkan dua minggu sekali serta mangikut keperluan;
- iv) memperkemaskan Sistem Pengembangan Pegawai di Kawasan melalui hebahan dan program-program kesedaran di lapangan;
- v) melaksanakan sesi penerangan kepada petani berhubung serangan penyakit BLB; dan
- vi) pengedaran set input (*Fujione + Plant energizer*) oleh pihak IADA Barat Laut Selangor dan Pejabat Pertanian Daerah Sabak Bernam kepada petani bagi tujuan pengawalan serangan penyakit BLB.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [WANGSA MAJU] minta PERDANA
MENTERI menyatakan adakah wujudnya ketirisan penggunaan wang
Felda berikutan penyenaiaan FGV di Bursa Malaysia.**

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil perolehan kasar daripada penyenaian Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) di Bursa Malaysia berjumlah RM5.99 billion yang diterima oleh FELDA pada Jun 2012 adalah digunakan berdasarkan kelulusan Lembaga FELDA.

Sebanyak RM1.69 billion telah diperuntukkan untuk bayaran 'durian runtuh' kepada peneroka manakala baki sebanyak RM4.30 billion telah diperuntukkan bagi kategori-kategori seperti berikut:

Bil	Perkara	RM Juta
1.	Perbelanjaan Berkaitan Penyenaian	1,157.33
2.	Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka	400.00
3.	Perbelanjaan Penebusan Saham	408.19
4.	Perbelanjaan Pengurusan	903.92
5.	Pelaburan Jangka Panjang	1,439.46
Jumlah Perbelanjaan		4,308.90

Oleh itu, isu ketirisan penggunaan wang perolehan hasil dari penyenaian FGV adalah tidak wujud.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH

(SANDAKAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.03.2017

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang negara terkini dan nyatakan pemegang-pemegang hutang negara yang utama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2016 adalah sebanyak RM648.5 bilion atau 52.7% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.4% atau RM624.8 bilion adalah hutang domestik (50.8% daripada

KDNK), sementara 3.6% lagi atau RM23.7 bilion (1.9% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Hutang Kerajaan yang diterbitkan sebahagian besarnya, meliputi 66.8% dipegang oleh pelabur institusi utama seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), institusi perbankan tempatan dan pelbagai institusi lain seperti syarikat insurans, institusi kewangan pembangunan, institusi bukan kewangan dan lain-lain pemegang termasuk Bank Negara Malaysia. Selebihnya atau 33.2% lagi dipegang oleh bukan pemastautin.

3. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus

diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampan sebarang krisis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 27 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu rakyat Malaysia yang layak untuk mendaftar sebagai pengundi di konsulat dan kedutaan Malaysia di serata dunia.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tujuan membantu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam urusan pendaftaran pemilih mana-mana warganegara yang telah cukup syarat kelayakan sebagai pemilih dan yang berkhidmat atau sedang belajar atau menetap di luar negara, SPR melantik Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Jabatan) dari kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri yang bertugas di Pejabat Kedutaan Besar, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi dan Pejabat Konsulat Jeneral dan Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN CHUA TIAN CHANG
[BATU]**

TARIKH : 27 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah ia rasional dan satu keperluan untuk kerajaan menubuhkan pasukan petugas khas bagi menyiasat kerugian forex yang dialami oleh Bank Negara pada tahun 1999.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kabinet telah menubuhkan sebuah Task Force untuk menjalankan siasatan awal berkenaan kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia pada sekitar tahun 1990-an. Task Force ini akan dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan termasuk individu-individu yang dihormati dan berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu.

Penubuhan Task Force ini merupakan langkah permulaan untuk mendapatkan semua fakta-fakta yang berkaitan - menganalisis semua Hansard rasmi mesyuarat-mesyuarat Parlimen pada masa itu, minit-minit Mesyuarat Kabinet yang terdahulu, laporan Ketua Audit Negara, Bank Negara Malaysia dan laporan-laporan lain daripada agensi-agensi yang berkenaan.

Ia juga bertujuan untuk mengetahui apa sebenar yang telah berlaku, jumlah kerugian sebenar dan sama ada terdapat salah laku tatacara pentadbiran kewangan serta adanya tindakan pihak tertentu untuk menutup apa yang sebenar berlaku dari pengetahuan rakyat Malaysia selama ini.

Task Force ini akan mengemukakan syor dan cadangan untuk dipertimbangkan oleh Kabinet dalam tempoh terdekat dan tindakan selanjutnya termasuklah penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) jika perlu berdasarkan hasil siasatan itu nanti.

Tindakan Kerajaan ini membuktikan komitmen dan ketelusan Kerajaan untuk memastikan urusan Bank Negara pada ketika itu dijalankan mengikut urus tadbir yang ditetapkan. Kerajaan akan sentiasa terbuka dan transparan dalam siasatan ini memandangkan ianya melibatkan Bank Negara Malaysia dan dikatakan skandal kewangan terbesar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HUSIN
[PENGGALAN CHEPA]**

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

Dr. Haji Izani Bin Husin [PENGGALAN CHEPA] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah yang diperolehi Felda hasil penyenaian FGV dan benarkah dakwaan berlakunya kehilangan RM 4.3 billion daripada hasil tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perolehan kasar yang diterima oleh FELDA hasil daripada penyenaian Felda Global Ventures Holdings Berhad pada Jun 2012 adalah berjumlah RM5.99 billion.

Sebanyak RM1.69 billion telah diperuntukkan untuk bayaran 'durian runtuh' kepada peneroka manakala baki sebanyak RM4.30 billion telah diperuntukkan bagi kategori-kategori seperti berikut:

Bil	Perkara	RM Juta
1.	Perbelanjaan Berkaitan Penyenaian	1,157.33
2.	Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka	400.00
3.	Perbelanjaan Penebusan Saham	408.19
4.	Perbelanjaan Pengurusan	903.92
5.	Pelaburan Jangka Panjang	1,439.46
Jumlah Perbelanjaan		4,308.90

Oleh itu, dakwaan berlakunya kehilangan sebanyak RM4.31 billion daripada hasil perolehan tersebut adalah tidak benar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : ISNIN, 27 MAC 2017

RUJUKAN : L9 [PR-1351-L00348]

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah hasil pendapatan yang berjaya dikutip oleh DBKL berikutan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 yang menghendaki untuk kali pertama semua premis yang digunakan untuk aktiviti perniagaan seperti pejabat urusan, institusi pendidikan swasta, klinik swasta, bank dan institusi kewangan dan lain-lain jika semua membayar fi lesen masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, penguatkuasaan Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 membolehkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapatkan satu sumber hasil yang baru.

Secara keseluruhannya, kutipan lesen pada tahun 2017 dijangka meningkat sebanyak RM3,700,000.00 daripada RM42,870,595.21 kepada RM46,470,595.21, iaitu peningkatan sebanyak 8% hasil daripada penguatkuasaan Undang-Undang Kecil ini.

NO. SOALAN: .51

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 27 MAC 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta PERDANA MENTERI minta Perdana Menteri menyatakan usaha terkini Kerajaan dalam memperkasa undang-undang syariah. Apakah pendirian Kerajaan terhadap Himpunan RUU 355 di Padang Merbok.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya usaha ke arah memartabatkan undang-undang Syariah sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan.

Dalam hal ini, Kerajaan dengan kerjasama negeri-negeri, sentiasa berusaha bagi memastikan undang-undang Syariah dapat dilaksanakan melalui cadangan untuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, sebenarnya cadangan pindaan terhadap Akta 355 telah bermula seawal tahun 2004 dan sedang diusahakan oleh Kerajaan. Beberapa cadangan pindaan telah dicadangkan dan pernah dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil Kali ke-18 pada tahun 2008. Selepas itu, dari semasa ke semasa sehingga sekarang, perbincangan telah diadakan dan dibuat secara berterusan untuk meminda Akta 355 bagi memastikan cadangan pindaan itu adalah selaras dengan kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung dengan Himpunan 355 di Padang Merbok, walaupun dianjurkan oleh badan bukan Kerajaan, tetapi Kerajaan tiada halangan bagi mana-mana usaha yang bertujuan untuk memperkasakan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.03.2017

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini mengenai AS\$6.5 billion yang Malaysia Development Berhad (1MDB) terhutang kepada Aabar Investments PJS, anak syarikat International Petroleum Investment Company (IPIC) Abu Dhabi dan adakah 1MDB akan melangsaikan hutang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kes timbang-tara atau *arbitration* (dengan izin) di antara pihak IPIC dan 1MDB masih lagi berlangsung di London Court of International Arbitration (LCIA). Kedua-dua pihak perlu menghormati garis panduan

kerahsiaan dan publisiti atau *confidentiality and publicity guidelines* (dengan izin) pihak LCIA dan oleh itu, status kedudukan terkini kes tersebut tidak dapat diperincikan.

NO. SOALAN:53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO

TARIKH : 27 MAC 2017

RUJUKAN : 9670

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang telah diambil berkenaan Mentakab Repot : 004098/11 dan kenapa tiada tindakan yang diambil sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menerima satu laporan polis Mentakab/4098/11 bertarikh 19 Ogos 2011. Pengadu mendakwa telah ditipu oleh satu sindiket yang menyamar sebagai Pegawai Polis Bukit Aman dan juga Pegawai Polis Hong Kong dengan mendakwa nombor kad pengenalan pengadu telah digunakan untuk membuka akaun bank di Hong Kong dengan jumlah HK 50 juta di mana ianya adalah hasil kegiatan jenayah. Oleh itu, suspek telah menawarkan bantuan untuk menyelesaikan masalah pengadu dengan meminta pengadu membuat beberapa bayaran berjumlah RM 260,000.00 secara keseluruhannya yang dimasukkan ke dalam lima akaun bank tempatan.

PDRM telah menjalankan siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan bagi kesalahan menipu. PDRM telah berjaya membuat tangkapan terhadap 2 orang pemilik akaun di mana seorang telah dituduh di Mahkamah Majistret Temerloh di bawah Seksyen 411 Kanun Keseksaan pada 18 Oktober 2016. Manakala seorang lagi telah dibebaskan dengan jaminan polis.

Usaha masih diteruskan oleh PDRM untuk mengesan lain-lain suspek (pemilik akaun). Kesemua suspek telah disenarai hitamkan oleh PDRM sebagai orang dikehendaki. Kertas siasatan akan dirujuk semula kepada Timbalan Pendakwaraya Negeri Pahang selepas kesemua suspek berjaya ditangkap bagi tujuan pendakwaan.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat]

TARIKH : 27 Mac 2017 (Isnin)

SOALAN : Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah memastikan pemajuan industri kelapa dapat mencapai matlamat mengekalkan keluasan hektar tanaman kelapa serta memenuhi permintaan 1.2 bilion biji setahun menjelang tahun 2020 dan langkah-langkah itu memberikan manfaat kepada pengusaha kelapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian (DOA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memajukan industri pengeluaran kelapa negara. Antara langkah yang telah diambil adalah mewujudkan program penanaman semula kelapa dengan varieti berhasil tinggi seperti kelapa hibrid MATAG, Pandan, *Malayan Yellow Dwarf* (MYD) dan *Malayan Red Dwarf* (MRD). Kelapa MATAG mampu menghasilkan sebanyak 25,000 biji sehektar setahun berbanding kelapa *Malayan Tall* yang hanya berupaya mengeluarkan 7,000 biji sehektar setahun walaupun varieti kelapa *Malayan Tall* menyumbang sebanyak 70% daripada tanaman kelapa negara. Selain itu, beberapa kawasan kebun kelapa yang masih produktif dipulihkan menerusi bantuan pembajaan, pembaikan sistem perparitan dan pengurusan serangga perosak bagi meningkatkan produktiviti.

Kementerian melalui DOA dan MARDI juga telah mewujudkan program pengeluaran benih yang berkualiti dan boleh memberikan hasil tinggi dan optimum seperti anak benih kelapa hibrid MATAG. Dalam hal ini, Kerajaan mensasarkan sebanyak 1 juta benih hibrid kualiti tinggi dihasilkan menjelang tahun 2020. Selain itu, Kerajaan akan terus bekerjasama dengan syarikat

swasta serta meningkatkan kerjasama antara Jabatan di Sabah dan Sarawak bagi tujuan yang sama.

Di samping itu, Kementerian juga menggalakkan pengurusan penanaman kelapa secara estet atau mini estet. Penanaman dengan skala yang besar dan meliputi tanah yang luas ini dapat menjamin produktiviti pengeluaran serta dapat memastikan pengurusan dan penyelenggaraan tanaman kelapa lebih teratur dan efisien. Pembangunan industri kelapa tanpa penglibatan sektor swasta secara besar-besaran sukar dicapai memandangkan bantuan daripada Kerajaan untuk memulihkan sektor pekebun kecil adalah terhad. Dalam hal ini, industri ini perlu diterajui oleh pihak swasta dengan kapasiti dan modal syarikat. Selain itu, bagi menangani cabaran-cabaran industri kelapa pada masa hadapan seperti saingan pasaran dan perubahan cuaca, bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi industri kelapa perlu terus diterokai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 27 MAC 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD
FAKEH
[SABAK BERNAM]**

SOALAN :-

**YB. Datuk Haji Mohd Fasih Bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan langkah Kerajaan bagi
melaksanakan program bandar hijau bagi mengurangkan pencemaran
karbon dan mewujudkan persekitaran bandar yang lebih selesa dan
kondusif.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah antara Kementerian yang bertanggungjawab dalam melaksanakan program dan dasar bandar rendah karbon, khususnya melibatkan pelaksanaan di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negara ini.

Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) dan Dasar Perbandaran Negara Ke-2 (DPN2) telah menetapkan beberapa dasar yang berkaitan Program Bandar Hijau iaitu meningkatkan mobiliti hijau, di mana penggunaan kenderaan perlu dikurangkan di kawasan pusat bandar. Oleh itu, pembangunan perlu difokuskan di kawasan bandar dengan perancangan yang bersepadu dan diurus dengan efisien. Perancangan pembangunan perlu berdasarkan konsep pembangunan bercampur dan pembangunan berasaskan transit (*Transit Oriented Development* - TOD) khususnya di laluan LRT, MRT, Komuter dan juga ETS.

Ini termasuk juga saranan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, dengan sasaran keseluruhan sebanyak 30% pada tahun 2020, 40% pada tahun 2030 dan 50% menjelang 2040 di Semenanjung Malaysia. Selain itu, sistem pengangkutan awam yang lebih holistik juga memainkan peranan dalam mengubah corak dan mod perjalanan penduduk terutamanya di kawasan bandar.

KPKT melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) juga telah menerbitkan Garis Panduan Perancangan (GPP) Kejiranan Hijau pada tahun 2012. GPP ini disediakan bagi membantu Kerajaan Negeri, PBT, pemaju, badan kerajaan dan bukan kerajaan semasa merancang, mereka bentuk dan mengawal sesuatu pembangunan hijau supaya semua pembangunan yang dijalankan memberi kesejahteraan kepada rakyat dan seterusnya membantu negara untuk mencapai matlamat negara "Low Carbon" sebanyak 50% menjelang tahun 2040.

Antara langkah-langkah yang boleh dilaksanakan dalam membantu pengurangan pencemaran karbon adalah melalui perancangan persekitaran hijau, pengurusan sumber tenaga dan pengurusan sisa.

Persekitaran yang hijau merupakan konsep utama yang perlu diterapkan dalam setiap kawasan kejiranan melalui penanaman tumbuh-tumbuhan yang berfungsi sebagai *carbon sink*. Ini akan menjadikan sesebuah kejiranan mempunyai kualiti udara yang lebih baik, nyaman dan mengurangkan kesan pemanasan pulau haba yang biasanya berlaku di kawasan bandar. Elemen persekitaran hijau yang boleh diterapkan adalah melalui penyediaan jaringan laluan pejalan kaki dan basikal, mengalakkan penggunaan kawasan lebihan sebagai kawasan kebun kejiranan dan lain-lain.

Manakala **pengurusan sumber tenaga** pula, memfokuskan kepada kaedah bagi memanfaatkan sumber tenaga semulajadi yang merujuk kepada sumber tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy* - RE). RE disokong dengan peralatan teknologi hijau sebagai elemen nilai tambah kepada pembangunan kejiranan hijau seperti :

- i. penjimatan tenaga melalui reka bentuk pasif bangunan; dan
- ii. penjimatan tenaga melalui teknologi hijau [tenaga solar, lampu LED dan *district cooling system* (DCS)].

Seterusnya, bagi **pengurusan sisa** di dalam sesebuah komuniti, pengasingan sisa di punca amat penting untuk dilaksanakan. Justeru, komuniti perlu memainkan peranan untuk memastikan sisa buangan diasingkan supaya konsep 3R (*reuse, reduce, recycle*) dapat dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPKT melalui PLANMalaysia juga telah menerbitkan 5 Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau iaitu :

- i. penyediaan laluan pejalan kaki;
- ii. penyediaan laluan basikal;
- iii. pembangunan kebun kejiranan;
- iv. program pengkomposan sisa; dan
- v. Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHL).

Bagi menggalakkan pelaksanaan inisiatif ini, Program Penghargaan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau kepada PBT terpilih telah dilaksanakan sejak tahun 2012.

Oleh itu, KPKT amat berharap agar dasar berkaitan Program Bandar Hijau ini dapat dilaksanakan di peringkat negeri dan juga PBT. Selain itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan Kementerian Pengangkutan (MOT) juga terlibat kerana inisiatif pembangunan rendah karbon merupakan usaha kolaborasi antara kementerian yang boleh dijayakan melalui konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Pelaksanaan Program Bandar Hijau ini menunjukkan komitmen negara dalam mengurangkan pelepasan karbon.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

NO. SOALAN: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD. SAMAD

TARIKH : 27 MAC 2017

RUJUKAN : 9671

SOALAN:

Tuan Khalid Bin Abd. Samad [Shah Alam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status siasatan kes merusuh di perkarangan Parlimen tahun lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berkait Sentul Report 21038/16 di bawah Seksyen 147 Kanun Keseksaan. Kertas siasatan telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya dan dikembalikan semula pada 18 Januari 2017 untuk PDRM menjalankan siasatan lanjut. Kertas siasatan telah lengkap dan dikembalikan semula kepada Timbalan Pendakwaraya untuk tindakan selanjutnya pada 2 Februari 2017.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 27.3.2017

SOALAN :

Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian berkenaan dengan gejala ketum yang semakin menular di kalangan pelajar sekolah terutama di sekolah kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui pihak sekolah sentiasa menjalankan pemeriksaan kepada murid-murid agar mereka tidak membawa air ketum ke sekolah. Pihak sekolah juga sentiasa memberi peringatan kepada murid-murid agar tidak mencuba air ketum semasa berada di dalam dan luar kawasan sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendidikan Pencegahan Dadah yang dilaksanakan di sekolah juga merangkumi bahaya air ketum. Semua sekolah perlu melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah yang kawal selia oleh Jawatankuasa Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah. Pendidikan Pencegahan Dadah dilaksanakan melalui

dua pendekatan iaitu Pendidikan Pencegahan dan Pendidikan Intervensi. Menerusi pendekatan pendidikan pencegahan semua murid diberikan input mengenai bahaya dadah secara umum dan pelaksanaan program ini adalah berterusan sepanjang tahun dalam kurikulum, kokurikulum dan program pembangunan sahsiah. Murid-murid akan mendapat input bahaya dadah, air ketum, rokok, inhalan, alkohol dan HIV khususnya melalui mata pelajaran kesihatan bermula tahun satu hingga ke tingkatan lima.

Murid-murid yang dikesan berisiko dan mencuba dadah atau bahan terlarang termasuk air ketum perlu melalui pendidikan intervensi yang meliputi program kaunseling dan program khas intervensi murid yang di kendalikan oleh kaunselor sekolah dan juga melibatkan pelbagai agensi seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Persatuan Mencegah dadah Malaysia (PEMADAM).

RJM76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN HEE LOY SIAN**
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : **27 MAC 2017**

SOALAN : **Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan

(a) jumlah keseluruhan rakyat Malaysia yang berada di Korea Utara sekarang dan berapa ramai rakyat Korea Utara yang kini berada di Malaysia.

(b) usaha Kerajaan untuk membawa pulang mereka ini dan adakah Kerajaan sanggup menyerahkan dua suspek pembunuhan Kim Jung Nam yang dikatakan berlindung di Kedutaan Korea Utara di Malaysia sebagai pertukaran dengan tebusan rakyat Malaysia yang berada di Korea Utara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah keseluruhan rakyat Malaysia yang berada di Republik Demokratik Rakyat Korea sekarang adalah seramai sembilan (9) orang. Maklumat berhubung dengan bilangan rakyat Republik Demokratik Rakyat Korea yang kini berada di Malaysia adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri.

3. YAB Perdana Menteri telah mengarahkan supaya Malaysia mengadakan rundingan dengan Republik Demokratik Rakyat Korea mengenai isu rakyat Malaysia yang tidak dibenarkan keluar dari Republik Demokratik Rakyat Korea. Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai isu keselamatan yang melibatkan rakyat Malaysia di luar negara dan usaha-usaha membawa pulang sembilan (9) orang warganegara Malaysia tersebut merupakan satu keutamaan Kerajaan. Dalam hubungan ini, Kerajaan sedang berusaha untuk menyelesaikan isu ini melalui pendekatan saluran diplomatik sedia ada di antara Malaysia dan Republik Demokratik Rakyat Korea.

4. Dalam mengendalikan isu ini, Kerajaan mengambil tindakan yang telus serta berdasarkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada di Malaysia. Mengambil kira kerumitan dan sensitiviti isu ini,

kerjasama ahli-ahli Dewan yang mulia ini dipohon untuk memberi sokongan kepada usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.